



**NUR NADZMIRA BINTI ABDULLAH JULKIFLI,  
HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL & NANI SURYANI  
BINTI HAJI ABU BAKAR**

## **Skandal Kewangan 1MDB dan Tumbangnya Kuasa Politik Najib Razak (2009-2018) di Malaysia: Satu Tinjauan**

**RESUME:** Syarikat 1MDB (1Malaysia Development Berhad) ditubuhkan dengan harapan supaya ekonomi Malaysia dapat dibangunkan lagi. Akan tetapi, syarikat ini telah menempah nama di mata dunia, bukan kerana kejayaan syarikat itu, tetapi sebaliknya kerana skandal atau isu besar yang timbul berhubung dengan syarikat tersebut. Seorang ahli perniagaan dari Malaysia bernama Jho Taek Low telah didakwa merupakan perancang utama skandal 1MDB. Apa yang menonjol dari isu ini juga ialah penglibatan Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Kewangan I, Najib Razak sendiri, dalam skandal tersebut. Artikel ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur – mengkaji kaitan Najib Razak dengan skandal 1MDB. Artikel ini turut melihat skandal 1MDB berupaya menyumbang kepada kejatuhan kuasa politik Najib Razak di Malaysia.

**KATA KUNCI:** 1Malaysia Development Berhad; Skandal Najib Razak; Pilihan Raya Umum di Malaysia.

**ABSTRACT:** “The Financial Scandal of 1MDB and the Downfall of Najib Razak’s Political Power (2009-2018) in Malaysia: A Review”. 1MDB (1Malaysia Development Berhad) company was established to hope that the economy of Malaysia could be further developed. However, the company has been renowned in the eyes of the world not because of its success, but rather because of the scandal or major issues arising in connection with the company. A Malaysian businessman named Jho Taek Low has been accused of being the mastermind behind the 1MDB scandal. What stands out from this issue is the involvement of the Prime Minister, who was also the Finance Minister I, Najib Razak himself, in the scandal. This article – using a qualitative approach, historical methods, and literature review – examines Najib Razak’s connection with 1MDB scandal. This article also discusses the extent to which the 1MDB scandal could contribute to the downfall of Najib Razak’s political power in Malaysia.

**KEY WORD:** 1Malaysia Development Berhad; Najib Razak Scandal; General Election in Malaysia.

**Mengenai Penulis:** Nur Nadzmira binti Abdullah Julkifli ialah Pelajar Pascasiswazah di Jabatan Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastra dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam). Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dan Dr. Nani Suryani binti Haji Abu Bakar ialah Pensyarah di Jabatan Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastra dan Sains Sosial UBD di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. E-mail Penulis: nadzmira.j@gmail.com, asbol.mail@ubd.edu.bn, dan nani.bakar@ubd.edu.bn

**Cara Mengutip:** Julkifli, Nur Nadzmira binti Abdullah, Haji Awang Asbol bin Haji Mail & Nani Suryani binti Haji Abu Bakar. (2022). “Skandal Kewangan 1MDB dan Tumbangnya Kuasa Politik Najib Razak, 2009-2018 di Malaysia: Satu Tinjauan” dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 15(2), November, hlm.59-90. Bandung, Jawa Barat, Indonesia: Minda Masagi Suci dan ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional), ISSN 1979-0112 (print) dan ISSN 2622-6855 (online).

**Riwayat Artikel:** Diterima (September 9, 2022); Direvisi (Oktober 5, 2022); Diterbitkan (30 November, 2022).

## PENDAHULUAN

Artikel ini cuba membincangkan skandal kewangan 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*), hingga membawa tumbangnya kuasa politik Najib Razak. Tempoh kajian ini merangkumi sekitar tahun 2009 sehingga tahun 2018. Artikel ini pula melihat kepada penglibatan Jho Low, yang merupakan pemegang watak utama dalam membolot wang kepunyaan 1MDB. Seterusnya, kajian ini menumpukan hubungan skandal 1MDB dengan Perdana Menteri ke-6 Malaysia, Najib Razak. Terdapat dakwaan atau pendedahan bahawa wang 1MDB ada masuk ke dalam akaun peribadi beliau. Ini termasuk isu “derma” RM (Ringgit Malaysia) 2.6 billion, yang merupakan jumlah terbesar yang beliau terima. Juga turut dikaji ialah sejauhmana skandal tersebut turut menyumbang kepada kejatuhan kuasa politik Najib Razak dan sekaligus BN (Barisan Nasional) di Malaysia.

Tarikh 9 Mei 2018 telah menyaksikan PRU (Pilihan Raya Umum) ke-14 di Malaysia. Ia disertai oleh berbagai parti politik di bawah satu gabungan yang terdiri dari BN (Barisan Nasional) di bawah pimpinan Najib Razak (2009-2018); PH (Pakatan Harapan) yang dipengerusikan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia ke-4, Mahathir Mohamad (1981-2003); GS (Gagasan Sejahtera) yang diterajui oleh PAS (Parti Islam se-Malaysia); dan beberapa buah parti kecil yang lain. Dalam PRU ini, mereka bertanding bagi merebut peluang tampuk kuasa negara.

Sejak PRU pertama diadakan pada tahun 1955, sehinggalah PRU ke-13 pada tahun 2013, ia sudah menjadi kebiasaan untuk BN mengungguli jumlah kerusi apabila PRU berlangsung. BN adalah gabungan parti pelbagai etnik yang terdiri daripada 14 parti politik. Ia didominasi oleh UMNO (*United Malays National Organization*), sebuah parti yang mewakili orang-orang Melayu, di mana Najib Razak merupakan Presiden parti ini. Beliau juga merupakan Pengerusi BN.

Pada PRU ke-14 tahun 2018, walaupun terdapat jangkakan daripada penganalisis politik dan pengundi bahawa berkemungkinan undi popular BN berkurangan serendah 40 peratus, BN dijangka akan masih kekal berkuasa dengan majoriti mudah. Namun begitu, angin politik telah melalui perubahan yang tidak disangka apabila pencabar utama BN, iaitu PH, sebaliknya telah berjaya mendapat majoriti mudah untuk membentuk kerajaan. PH merupakan gabungan parti pelbagai etnik, yang disertai oleh empat buah parti politik. Ia dipengerusikan oleh Mahathir Mohamad, yang merupakan pengerusi Parti BERSATU atau Pribumi Bersatu Malaysia (Phoon, 2018:139).

Daripada 222 kerusi Parlimen, PH berjaya menguasai sebanyak 113 kerusi. PKR (Parti Keadilan Rakyat) berjaya mendapat 47 kerusi;

DAP (*Democratic Action Party*) dengan 42 kerusi; BERSATU dengan 13 kerusi; dan Parti AMANAH (*Amanah Negara*) dengan 11 kerusi. Jumlah kerusi ini kemudiannya mengalami peningkatan kepada 121 kerusi, apabila Parti WARISAN (*Warisan Sabah*) menjalinkan kerjasama dengan PH di Sabah. Ini membolehkan PH membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan, kerana mendapat majoriti kerusi Parlimen. Mahathir Mohamad, yang ketika pada tahun 2018 berusia 93 tahun, telah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia buat kali kedua, iaitu 1981-2003 kali pertama dan 2018-2020 kali kedua ([Besar, 2019](#); [Ting, Murudi & Chuah, 2020](#); [Yazid, 2020](#)).

Buat pertama kali dalam sejarah politik Malaysia, BN yang dipengerusikan oleh Najib Razak telah hilang kedudukan serta kuasanya sebagai kerajaan. Dalam PRU ke-14 pada 2018, mereka hanya berjaya merebut sebanyak 79 kerusi. Ini satu penurunan yang ketara jika dibandingkan dengan prestasi mereka pada PRU ke-13 pada 2013 sebelumnya. Ketika itu, mereka berjaya meraih sejumlah 132 kerusi. Prestasi BN yang merosot tersebut memberi petanda bahawa rakyat tidak mengkehendaki Najib Razak dan BN untuk terus kekal mentadbir mereka. Dengan sendirinya, Najib Razak tidak dapat mengekalkan posisinya sebagai Perdana Menteri Malaysia, 2009-2018 ([Badaruddin, 2018:131](#)).

Ketika PRU ke-14, kerajaan BN berhadapan dengan pelbagai isu besar hingga mencetuskan berbagai penentangan di kalangan rakyat Malaysia. Salah satu isu besar yang membayangi mereka ialah skandal kewangan melibatkan syarikat 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*). Pada mulanya, syarikat ini ditubuhkan atas inisiatif yang bertujuan baik untuk membangun ekonomi Malaysia. Namun begitu, nama syarikat itu telah mendapat perhatian global, kerana terdapat isu-isu kontroversi. Syarikat 1MDB telah terpalit dengan skandal kewangan, kerana terdapat dakwaan bahawa dana syarikat yang jumlahnya berbilion-bilion RM (*Ringgit Malaysia*) telah diselewengkan oleh individu-individu yang terlibat dalam pengurusan syarikat ini.

Skandal 1MDB semakin mendapat perhatian umum apabila terdapat lagi satu pendedahan yang melibatkan Perdana Menteri ke-6 Malaysia, Najib Razak. Ini termasuk membabitkan wang berjumlah RM 2.6 bilion, yang masuk ke dalam akaun peribadi beliau. Najib Razak mengatakan bahawa wang tersebut sebagai derma dari keluarga diraja Arab Saudi. Bagaimanapun, ia masih menjadi persoalan apabila terdapat dakwaan dari berbagai pihak bahawa ianya hasil daripada penyelewengan dana 1MDB. Meskipun para penyiasat di negara luar mengesahkan bahawa memang ada wujud salah-laku penyelewengan

dana 1MDB; sebaliknya, siasatan di Malaysia mengatakan tidak terdapat salah-laku dalam dana tersebut. Rakyat Malaysia, bukan sahaja dari ahli-ahli politik, bahkan orang ramai telah meminta supaya isu itu diselesaikan.

Artikel ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur (Sjamsudin, 2007; Kuntowijoyo, 2008; Prayogi, 2021) – mahukan menganalisis skandal kewangan 1MDB dan hubung-kaitnya dengan isu politik dalam PRU ke-14 pada tahun 2018, serta jatuhnya Najib Razak selaku Perdana Menteri di Malaysia.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

*Latar Belakang Syarikat 1MDB.* Syarikat 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*) telah ditubuhkan pada tahun 2009, sebagai sebuah syarikat pembangunan strategik yang menumpukan perhatian terhadap perkembangan ekonomi Malaysia. Ia memainkan peranan dalam beberapa pelaburan di sektor hartanah, perniagaan, pelancongan, dan tenaga. Syarikat ini beroperasi sebagai cabang pengurusan aset di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, yang pada masa itu dipegang oleh Najib Razak (Maksum, 2020).

Pada permulaan operasinya, syarikat ini pada asalnya dikenali sebagai TIA (*Terengganu Investment Authority*), dana berdaulat yang ditubuhkan pada tahun 2008, dengan matlamat untuk menguruskan kekayaan hasil sumber minyak dan gas Terengganu. Pada tahun 2009, ia telah dinaik-taraf untuk menjadi sebuah firma strategik bagi pembangunan ekonomi Malaysia keseluruhannya. Najib Razak mengatakan bahawa perubahan ini adalah supaya faedahnya dapat dirasakan oleh seluruh Malaysia. Pada 31 Julai 2009, TIA telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan ia telah dinamakan menjadi syarikat 1MDB pada 25 September 2009 (Ahmad, 2016:36).<sup>1</sup>

Sejak penubuhannya, ia telah terlibat dalam pelbagai kegiatan pelaburan. Syarikat 1MDB telah digerakkan oleh beberapa organisasi penting, seperti Lembaga Pengarah, Lembaga Penasihat, dan Ketua Pegawai Eksekutif. Najib Razak sendiri telah memegang jawatan Pengerusi Lembaga Penasihat. Walau bagaimanapun, syarikat 1MDB telah terpalit dengan berbagai pendedahan negatif di sepanjang syarikat ini beroperasi. Media akhbar dan laman blog, seperti *Sarawak Report* dan *The Edge*, telah membocorkan kisah penyelewengan dana syarikat 1MDB. Dalam pendedahan media-media ini, mereka telah

<sup>1</sup>Lihat pula, umpamanya, News on “Terengganu Investment Authority to Be Federal Body” in *The Star Online*, on 22<sup>nd</sup> July 2009. Available online also at: <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2009/07/22/terengganu-investment-authority-to-be-federal-body/#CxdZms6scCB3ksHQ.99> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 16<sup>th</sup> September 2020].

mengemukakan bukti berupa e-mel dan dokumen. Pendedahan ini telah mudah diketahui umum melalui internet.

Pada bulan Januari 2015, Penerbit *The Edge*, Tong Kooi Ong dan Ho Kay Tat, berminat untuk membeli salinan berupa e-mel dan dokumen Syarikat Petro-Saudi daripada seorang lelaki bernama Xavier Justo. *The Edge* mendapat tahu tentang dokumen ini melalui Clare Rewcastle-Brown, pemilik blog *Sarawak Report*, yang juga ingin mendapatkan segala salinan tersebut. Melalui 140 gigabit, di dalamnya terdapat hampir 500 ribu dokumen dan e-mel. Ia telah memperlihatkan peranan Jho Low; Tarek Obaid, yang merupakan Pengasas Petro-Saudi dan juga Pengarah Pelaburan Petro-Saudi; Patrick Mahony, yang merancang untuk mencuri wang syarikat 1MDB serta berkomplot untuk menutup penipuan itu (Jalil, 2015; Wright & Hope, 2018:283).

Akhbar *The Edge* dan blog *Sarawak Report* akhirnya berjaya mendapatkan salinan tersebut, lalu mendedahkannya kepada umum. Pada 28 Februari 2015, *Sarawak Report* melalui artikelnya yang bertajuk "HEIST OF THE CENTURY: How Jho Low Used PetroSaudi as 'a Front' to Siphon Billions Out of 1MDB!" dan telah berjaya membuka mata orang ramai untuk terus mengikuti perkembangan mengenai skandal penyelewengan wang berkaitan dengan 1MDB (Brown, 2014).<sup>2</sup>

**Isu Penyelewengan dan Peranan Jho Low.** Pendedahan mengenai skandal penyelewengan dana 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*) nampaknya juga telah mendapat perhatian pihak berkuasa dari negara-negara luar untuk menyiasatnya. Kaedah yang digunakan untuk membolot wang 1MDB tersebut agak rumit. Wang tersebut dipindahkan dengan menggunakan pusat-pusat kewangan di luar negara. Ia melibatkan transaksi kewangan di beberapa buah bank antarabangsa luar negara, seperti JP Morgan Chase, RBS (*Royal Bank of Scotland*), Standard Chartered, Union Bank of Switzerland, dan Citibank. Mereka juga menggunakan *Shell Companies* rahsia di luar negara, iaitu di Seychelles, British Virgin Islands, dan Cayman Islands (Gunasegaram & Kinibiz, 2018:3).

Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat, atau DoJ (*Department of Justice*), dengan kerjasama Biro Penyiasatan Persekutuan, atau FBI (*Federal Bureau Investigation*), juga ikut-serta dalam menyiasat mengenai skandal ini. Mereka mendapati memang ada salah-laku yang membabitkan dana 1MDB. Mereka lalu memfailkan saman untuk merampas segala aset yang dipercayai dibeli dengan menggunakan dana 1MDB. Nilai kesemua rampasan aset yang mereka temui tersebut

---

<sup>2</sup>Lihat semula, contohnya, News on "HEIST OF THE CENTURY: How Jho Low Used Petro-Saudi as 'a Front' to Siphon Billions Out of 1MDB!" in the *Sarawak Report*, on 28<sup>th</sup> February 2015.

**Jadual 1:**  
Fasa Penyelewengan Dana 1MDB Menurut DoJ

Nama Fasa	Tahun Diselewengkan	Jumlah Penyelewengan Wang
Good Star	2009-2011	AS\$ 1.03 Bilion (Termasuk AS\$ 700 juta)
Aabar-BVI	2012	AS\$ 1.367 Bilion
Tanore	2013	AS\$ 1.26 Bilion
Options Buyback	2014	AS\$ 0.85 Bilion
<b>Jumlah Keseluruhan: AS\$ 4.5 Bilion</b>		

Sumber: DoJ (2017).

berjumlah AS\$ (Dollar Amerika Syarikat) 1.7 bilion. Sebanyak tiga kali pemfailan saman telah diumumkan pada tarikh berlainan. Pada 20 Julai 2016 ialah pemfailan pertama untuk rampasan aset kira-kira bernilai AS\$ 1 bilion. Pada 7 Jun 2017 adalah pemfailan kedua untuk aset yang bernilai AS\$ 100 juta, dan pada 15 Jun 2017 adalah pemfailan ketiga bagi aset yang berharga AS\$ 540 juta.

Skandal ini dianggap sebagai skandal kleptokrasi, yang bererti bahawa kewangan negara telah dicuri oleh kakitangan kerajaan untuk kepentingan peribadi. Ia merupakan rampasan kleptokrasi terbesar dalam sejarah Amerika Syarikat. Dalam saman ini, individu-individu yang terlibat, kaedah yang digunakan untuk membolot dana 1MDB, dan juga bagaimana dana tersebut akhirnya digunakan untuk membeli aset-aset bernilai untuk kepentingan peribadi telah didedahkan (Wright & Hope, 2018:396).

DoJ Amerika Syarikat telah membahagikan penyelewengan dana 1MDB kepada empat fasa. Melalui kesemua fasa, telah dikatakan bahawa sebanyak AS\$ 4.5 bilion dana 1MDB telah diselewengkan oleh seorang individu bernama Jho Taek Low. Telah didapati juga dana 1MDB tersebut turut disalurkan kepada individu-individu lain, terutama kepada Najib Razak dan anak tiri beliau, Riza Aziz. Jenayah penyelewengan dana 1MDB berlaku di antara tahun 2009 dan tahun 2014. Jadual 1 menunjukkan fasa-fasa penyelewengan dama 1MDB menurut DoJ.

Watak utama dalam skandal ini dilakukan oleh seorang ahli perniagaan berbangsa China warga negara Malaysia, bernama Jho Taek Low. Beliau merupakan sahabat karib Riza Aziz. Jho Taek Low sebelumnya pernah menduduki kerusi penasihat TIA (*Terengganu Investment Authority*). Dalam skandal 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*), beliau didapati menjadi perancang dalam operasi

memindahkan dana 1MDB tersebut ke dalam akaun bank beliau. Sebahagian wang 1MDB yang diselewengkan tersebut juga turut dibahagikan kepada individu-individu lain, termasuk Najib Razak.

Terdapat spekulasi yang mengatakan bahawa beliau memang ada mencampuri urusan pentadbiran syarikat 1MDB, walaupun pada hakikatnya tidak memegang apa-apa jawatan rasmi dalam pengurusan syarikat ini. Menurut [T. Wright & B. Hope \(2018\)](#), dan sarjana lainnya, Jho Taek Low sebenarnya yang telah memberi galakan kepada Najib Razak supaya mengambil-alih 1MDB yang sebelumnya dipanggil sebagai TIA serta bersungguh-sungguh menarik sokongan daripada Timur Tengah. Jho Taek Low juga merupakan “orang tengah” bagi sebarang urusan niaga yang dilakukan oleh 1MDB. Ini termasuk melibatkan pelaburan dengan negara luar, terutama sekali dengan negara di Timur Tengah. Peranan Jho Taek Low di sebalik tabir dalam syarikat 1MDB tidak membawa keuntungan kepada syarikat ini; tetapi, sebaliknya, berlaku jenayah penyelewengan dana yang hanya memberi keuntungan terhadap dirinya dan individu-individu tertentu ([Sebayang, 2018](#); [Wright & Hope, 2018:86](#); [Maksum, 2020](#)).

Aktiviti penyelewengan dana ini sudah terjadi apabila syarikat 1MDB melakukan usaha-sama pelaburan terawalnya dengan Syarikat Petro-Saudi International,<sup>3</sup> yang berlaku pada bulan September 2009. Kedua-dua syarikat menubuhkan usaha-sama yang dikenali sebagai 1MDB - Petro-Saudi Limited ([Ahmad, 2016:30](#)).

Pada 28 September 2009, perjanjian usaha-sama telah ditandatangani. Ia telah mencapai kesepakatan bahawa Petro-Saudi akan memberi suntikan berbentuk aset, iaitu konsesi minyak di Turmenistan dan Argentina yang bernilai kira-kira AS\$ (Dollar Amerika Syarikat) 1.5 bilion untuk 60 peratus ekuitinya. Sementara itu, Syarikat 1MDB akan memegang ekuiti sebanyak 40 peratus dengan suntikan berbentuk tunai sebanyak AS\$ 1 bilion ([Gunasegaram & Kinibiz, 2018:xxii](#)).

Belum lama syarikat usaha-sama yang pertama itu ditubuhkan, ia sudah menampakkan kesalahan urus-tadbir, sehingga menimbulkan beberapa persoalan oleh berbagai pihak. Apa yang dibangkitkan adalah mengenai isu suntikan berbentuk aset yang disediakan oleh Petro-Saudi. Ia telah terbongkar bahawa aset-aset yang disuntik dalam usaha-sama tersebut sebenarnya bukanlah aset kepunyaan Petro-Saudi. Ahli parlimen pembangkang daripada parti politik DAP

---

<sup>3</sup>Petro-Saudi International ditubuhkan pada tahun 2005. Ia adalah sebuah syarikat teroka minyak yang dipunyai oleh Putera Arab Saudi, Putera Turki Abdullah dan Tarek Obaid. Petro-Saudi mempunyai beberapa pejabat utama berpangkalan di Arab Saudi, United Kingdom, dan Switzerland. Lihat semula, contohnya, [News on “HEIST OF THE CENTURY: How Jho Low Used Petro-Saudi as ‘a Front’ to Siphon Billions Out of 1MDB!” in the Sarawak Report, on 28<sup>th</sup> February 2015](#); dan artikel akademik yang ditulis oleh [A. Maksum \(2020\)](#).

(*Democratic Action Party*) di Malaysia, Tony Pua, mendedahkan bahawa sebenarnya aset tersebut dipunyai sebuah syarikat tenaga Kanada, yang dikenali sebagai Buried Hill, yang mempunyai perjanjian dengan kerajaan Turkmenistan. Ini menjadikan usaha-sama tersebut menimbulkan kecurigaan.<sup>4</sup>

Kecurigaan semakin menonjol apabila syarikat usah-asama 1MDB – Petro-Saudi sudahpun meminjam daripada syarikat Petro-Saudi International sendiri, sebelum kedua-dua syarikat tersebut membuat perjanjian usaha-sama secara rasmi pada 28 September 2009 lagi. Pinjaman kemudiannya dibayar dengan menggunakan sebahagian wang suntikan Syarikat 1MDB sebanyak AS\$ 700 juta pada 29 September 2009.

Apa yang menjadi isu dengan pinjaman tersebut ialah wang AS\$ 700 juta yang dibayar tidak sampai kepada Petro-Saudi International. Wang tersebut sebaliknya telah masuk ke dalam sebuah akaun bank RBS Coutts Bank di Zurich atas nama Good Star Limited. Ketika proses pemindahan wang itu berlaku, Good Star Limited telah dikelirukan sebagai sebuah syarikat yang dipunyai oleh Petro-Saudi. Apabila RBS Coutts Bank bertanyakan tentang latar belakang penerima dana AS\$ 700 juta, CEO (*Chief Executive Officer*) syarikat 1MDB, Shahrol Halmi, memberitahu bahawa akaun tersebut adalah kepunyaan Good Star Limited, yang berpangkalan di Seychelles yang dimiliki oleh Petro-Saudi (Wright & Hope, 2018:99).

Namun kenyataannya, Good Star Limited sebenarnya dipunyai oleh Jho Taek Low. Beliau menyelewengkan wang kepunyaan 1MDB sebanyak AS\$ 700 juta tersebut. Ini merupakan pertama kali beliau terlibat dalam menyelewengkan dana 1MDB. Beliau tidak berhenti setakat itu sahaja. Jho Taek Low juga telah didapati membolot dana 1MDB yang lain pada tahun-tahun berikutnya (Sebayang, 2018; Wright & Hope, 2018; Maksum, 2020).

**Najib Razak dan Isu Peranan Jho Taek Low.** Apabila isu peranan dan salah-laku Jho Taek Low terdedah, Najib Razak telah dikritik oleh berbagai pihak. Beliau pernah dilihat cuba menyembunyikan peranan Jho Taek Low dalam syarikat 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*), ketika timbul desas-desus mengenai campur-tangan Jho Taek Low dalam urus-tadbir 1MDB.

*Sarawak Report* telah mendedahkan peranan aktif Jho Taek Low dalam urus-tadbir 1MDB. Ia membongkar dengan menyertakan dokumen berkaitan syarikat 1MDB, termasuk e-mel antara Jho Taek

---

<sup>4</sup>Lihat pula, umpamanya, Berita “MP: 1MDB Bersubahat” dalam *Malaysia Dateline*, 2015.



Low dan pengurus tinggi 1MDB dalam membincangkan mengenai sebarang keputusan kegiatan pelaburan. Pada ketika itu juga Mahathir Mohamad, yang masih bersama UMNO (*United Malays Nation Organization*), telah berjaya mendapat bukti tentang penglibatan Jho Taek Low dalam membuat keputusan mengenai pelaburan 1MDB (Brown, 2018; Wright & Hope, 2018:327).

Ini tidak selari dengan apa yang didedahkan oleh Najib Razak. Pada 16 Mac 2015, apabila beliau disoal oleh ahli parlimen pembangkang, Tan Kee Kwong, mengenai dengan perniagaan 1MDB terkait Jho Taek Low, Najib Razak menafikan campur-tangan Jho Taek Low dalam pengurusan 1MDB. Beliau menekankan bahawa sama ada hal perniagaan atau apa sahaja keputusan itu diurus oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB dan Jho Taek Low tidak terlibat (Tamboo, 2016).

Namun begitu, pada 29 Jun 2018, pada pasca PRU (Pilihan Raya Umum) ke-14, baharulah Najib Razak mengesahkan tentang peranan Jho Taek Low tersebut. Beliau mengatakan peranan Jho Taek Low dalam syarikat boleh memberi keuntungan kepada operasi syarikat 1MDB, kerana mempunyai hubungan rapat dengan Arab Saudi dan UAE (*United Arab Emirates*), yang juga akhirnya membawa manfaat kepada Malaysia. Ini menunjukkan Najib Razak tidak jujur dalam menafikan peranan Jho Taek Low dalam urus-tadbir 1MDB sebelum ini.

**Mengenai "Malaysian Official 1".** Bermula pada 20 Julai 2016, DoJ (*Department of Justice*) Amerika Syarikat telah memfailkan saman sivil untuk menyita aset dan sekaligus mendedahkan laporan secara terperinci mengenai hasil siasatan mereka berhubung skandal penyelewengan dana 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*). Mereka telah mengesahkan tentang campur-tangan Jho Taek Low dalam urus-tadbir syarikat 1MDB serta mempunyai peranan dalam menggelapkan berbilion-bilion dolar dana 1MDB.

Dalam laporan DoJ juga, terdapat seorang individu telah disebutkan berkali-kali yang turut menjadi perhatian ramai. Namanya tidak disebut secara langsung dalam laporan, namun telah digelar sebagai "Malaysian Official 1" atau MO1. MO1 telah menerima wang hasil penyelewengan dana 1MDB menerusi perpindahan wang ke akaun-akaun beberapa buah bank. Lihat jadual 2.

Ramai yang meramalkan dan beranggapan MO1 (*Malaysian Official 1*) yang dimaksudkan oleh DoJ (*Department of Justice*) tersebut adalah Perdana Menteri Malaysia sendiri, Najib Razak. Laporan DoJ ada menjelaskan latar belakang MO1 secara umum, yang memang bertepatan dengan perwatakan beliau. MO1 merupakan pegawai

**Jadual 2:**  
Wang Diperolehi oleh MO1 Menurut Laporan DoJ

Fasa Penyelewengan Dana 1MDB	Jumlah Wang (AS\$)
Fasa Good Star	20 Juta
Fasa Aabar-BVI	30 Juta
Fasa Tanore	61 Juta
Fasa "Options Buyback"	1.3 Juta
<b>Jumlah Keseluruhan: 112.3 Juta</b>	

Sumber: DoJ (2017).

berpangkat tinggi dalam kerajaan dan mempunyai jawatan dalam syarikat 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*). Dalam hal ini, Najib Razak memang memegang jawatan dalam 1MDB, iaitu sebagai Pengarah Lembaga Penasihat (DoJ, 2017:13).

Selain itu, telah didedahkan oleh DoJ (2017) juga bahawa Riza Aziz, yang juga penerima dana 1MDB itu adalah *relative* kepada MO1. Ini membawa maksud mempunyai hubungan keluarga. Ini menyebabkan sebahagian pihak tidak syak lagi bahawa MO1 adalah Najib Razak, kerana Riza Aziz merupakan anak tiri beliau (DoJ, 2017:14).

Sejak pendedahan mengenai MO1, Najib Razak tidak pernah membuat pengakuan secara langsung bahawa beliau adalah MO1 yang dirujuk DoJ Amerika Syarikat. Namun demikian, pada 1 September 2016, seorang Menteri dalam kabinet kerajaan, Rahman Dahlan, sendiri mengesahkan MO1 memang merujuk kepada Najib Razak. Ini diakui beliau dalam satu temu-bual bersama BBC (*British Broadcasting Corporation*). Namun, Rahman Dahlan mempersoalkan dengan tindakan DoJ yang tidak menyebut nama Najib Razak secara langsung.

Beliau percaya ia adalah kerana Najib Razak bukanlah individu yang terlibat dalam siasatan. Siasatan ini hanya melibatkan individu-individu yang telah disebutkan namanya dalam laporan yang dipercayai membolot dana. Ahli Parlimen pembangkang dari Parti AMANAH (Amanah Negara), Khalid Samad, pula berpendapat bahawa nama Najib Razak tidak disebutkan secara langsung bukannya bererti beliau tidak terlibat. Ia adalah disebabkan tidak ada atas namanya terhadap aset yang disita tersebut.<sup>5</sup>

Apabila mengetahui bahawa terdapat dana 1MDB masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak, maka ia dengan sendirinya menimbulkan

<sup>5</sup>Lihat pula, contohnya, Berita dalam *The Star Online*, pada 2016; dan Berita "MP Amanah Jelaskan Kenapa DOJ Tidak Sebut Siapa MO1" dalam *Malaysia Dateline*, pada 5hb September 2016. Wujud secara online pula di: <https://malysiadateline.com/mp-amanah-jelaskan-kenapa-doj-tidak-sebut-siapa-mo1/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19hb September 2020].

persepsi bahawa beliau terlibat sama dalam jenayah menyelewengkan dana 1MDB, sama seperti Jho Taek Low. Persepsi ini semakin kuat apabila Najib Razak tidak memberi respon yang sewajarnya untuk membuktikan beliau tidak bersalah berhubung dengan laporan DoJ tersebut. Ia telah membangkitkan rasa marah di kalangan rakyat terhadap beliau. Mereka menuntut pihak berkuasa supaya menyiasat Najib Razak. Ia telah sampai ke tahap di mana ada satu perhimpunan tunjuk perasaan telah diadakan. Pada 27 Ogos 2016, Perhimpunan "Tangkap MO1" telah dianjurkan untuk menyatukan rakyat menyeru supaya Perdana Menteri ke-6 tersebut ditangkap. Imej Najib Razak, sebagai pemimpin dan sekaligus imej negara, telah terjejas. Ekoran dengan isu MO1 itu, sebahagian rakyat tidak lagi memandangkan beliau sebagai pemimpin yang berintegriti dan amanah (Omar, 2016:66).

**Mengenai Isu Derma.** Sebelum laporan DoJ (*Department of Justice*) Amerika Syarikat didedahkan lagi, sebenarnya sudah ada pendedahan yang menghubungkan Najib Razak dengan syarikat 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*) yang dibelenggu dengan skandal kewangan. Pada 2 Julai 2015, Malaysia dikejutkan dengan pembongkaran oleh sebuah media antarabangsa terkenal *WSJ* (*Wall Street Journal*), apabila ia melaporkan bahawa ada sebahagian dana 1MDB yang masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak. Pendedahan ini menjadikan reputasi Najib Razak sebagai pemimpin yang berintegriti semakin merundum di kalangan rakyat Malaysia.

Menurut wartawan *WSJ*, Tom Wright & Simon Clark, melalui artikel "Investigators Believe Money Flowed to Malaysian Leader Najib's Accounts Amid 1MDB Probe", hampir sebanyak AS\$ (Dollar Amerika Syarikat) 700 juta telah dikesan oleh penyiasat Malaysia dan telah masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak. *Sarawak Report* juga mengeluarkan kenyataan yang sama melalui liputan "SENSATIONAL FINDINGS! - Prime Minister Najib Razak's Personal Accounts Linked to 1MDB Money Trail MALAYSIA EXCLUSIVE!", yang ditulis oleh C.R. Brown (2015). Ia selari dengan laporan *WSJ* tentang wang berbilion ringgit berkaitan dengan 1MDB yang masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak (cf Brown, 2015; Wright & Clark, 2015).

Kemasukan wang 1MDB ke dalam akaun peribadi Najib Razak pada awalnya berlaku pada 21 dan 25 Mac 2013, ketika Malaysia berkempen untuk PRU ke-13 yang berjumlah AS\$ 620 juta dan AS\$ 61 juta. Ia menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak AS\$ 681 juta atau RM (Ringgit Malaysia) 2.6 bilion. Akaun bank itu jelas dipegang di bawah nama "Dato' Sri Mohd Najib bin Haji Abd Razak" di Bank Am-Private di Kuala Lumpur (Brown, 2015).

Wang itu disalurkan daripada sebuah syarikat yang didaftarkan di British Virgin Island melalui sebuah bank Swiss yang dipunyai oleh IPIC (*International Petroleum Investment Company*). IPIC merupakan entiti dana kekayaan Abu Dhabi. Ia juga mempunyai peranan sebagai penjamin bon bagi syarikat 1MDB. Pendedahan lain yang disebutkan ialah mengenai wang sebanyak AS\$ 11.1 juta atau RM 42 juta, yang dipercayai berasal daripada SRC International Sdn Bhd (bekas anak syarikat 1MDB) juga telah masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak (Wight & Clark, 2015).

Najib Razak tidak mengakui ada menerima wang seperti yang didedahkan oleh *WSJ* dan *Sarawak Report*. Beliau menafikan mengambil dana 1MDB untuk tujuan peribadi dan menganggap dakwaan tersebut sebagai konspirasi politik untuk menjatuhkan beliau. Namun begitu, penafian tentang adanya masuk wang tersebut nampaknya hanya sementara sahaja, apabila beliau kemudiannya mengakui tentang adanya kemasukan wang RM 2.6 bilion. Namun beliau mendedahkannya sebagai derma daripada Timur Tengah, bukannya duit awam atau wang 1MDB. Beliau merahsiakan identiti penderma tersebut. Respon beliau ini menunjukkan percanggahan dengan maklumat yang disampaikan oleh *WSJ*, mahupun *Sarawak Report*, yang mengatakan bahawa wang tersebut ada kaitannya dengan syarikat 1MDB.

Wang derma RM2.6 bilion yang diterima Najib Razak telah mencetuskan pelbagai persoalan. Ini termasuk daripada rakan Najib Razak dari UMNO (*United Malays Nation Organization*) sendiri, Muhyiddin Yassin, yang merupakan Timbalan Perdana Menteri (2009-2015). Terdapat video rakaman perbualan beliau dengan ahli-ahli UMNO, termasuk Mukhriz Mahathir, telah tersebar mengenai dengan perbincangan mereka tentang Najib Razak yang telah mengakui menerima wang tersebut. Antara persoalan yang timbul dari Muhyiddin Yassin ialah kenapa ia masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak. Bukan soal itu sahaja, beliau berserta Shafie Afdal yang merupakan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia (2009-2015) pernah menggesa Najib Razak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap *WSJ*, jika sekiranya apa yang dilaporkan tersebut tidak benar (cf Brown, 2018:283; Maksum, 2020).

Muhyiddin Yassin bukan sahaja bersuara soal derma RM 2.6 bilion, tetapi terhadap skandal 1MDB secara keseluruhannya. Akhirnya, teguran tersebut telah memberikan kesan terhadap kerjaya politik beliau. Pada 28 Julai 2015, Muhyiddin Yassin telah dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Begitu juga dengan ahli-

ahli UMNO yang lain, iaitu Mukhriz Mahathir, yang sekaligus tidak lagi menjawat sebagai Menteri Besar Kedah; dan seterusnya, Shafie Apdal, yang juga menerima nasib yang sama.

Berhubung dengan soal pemfailan saman, Najib Razak ada meluahkan keinginan untuk berbuat demikian. Telah ada dilaporkan di media akhbar, seperti *Astro Awani* bertarikh 5 Julai 2015, yang mengumumkan bahawa Najib Razak akan memfailkan saman terhadap *WSJ* atas laporannya tersebut pada hari Selasa, merujuk kepada 7 Julai 2015. Namun, tahun demi tahun berlalu, tindakan itu tidak juga diambil oleh beliau. Pemfailan saman merupakan suatu tindakan yang boleh membuktikan bahawa beliau tidak bersalah dan seterusnya membuktikan bahawa ia adalah benar-benar derma seperti apa yang beliau dakwa. Namun disebabkan beliau tidak mengeluarkan saman, ia menambahkan lagi keyakinan ramai pihak bahawa apa yang didedahkan oleh *WSJ* tersebut bukanlah palsu semata-mata.<sup>6</sup>

Nampaknya tidak kesemua ahli UMNO, seperti Muhyiddin Yassin, yang lantang mempersoalkan isu derma berjumlah besar yang masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak. Namun sebahagian ahli-ahli UMNO ada yang menyebelahi Najib Razak, menganggap wang tersebut adalah benar-benar derma. Ada di antara mereka mendedahkan alasan wang tersebut memang derma, seperti yang dijelaskan di bawah. Walau bagaimanapun, penjelasan mereka tersebut masih dipertikaikan oleh rakyat Malaysia.

Ketua UMNO cawangan bahagian Kuantan, Wan Adnan Wan Mamat, mendakwa RM 2.6 bilion yang diterima oleh Perdana Menteri yang berasal daripada Arab Saudi adalah sebagai tanda penghargaan untuk Malaysia, yang berperanan untuk melawan IS (*Islamic State*). Namun alasan itu tidak dapat diterima oleh orang ramai, termasuk Mahathir Mohamad, yang mengatakan dana tersebut disalurkan pada tahun 2013, sedangkan IS hanya mula memaparkan jenama terorisme mereka pada tahun 2014.<sup>7</sup>

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri (2015-2018), Zahid Hamidi dan Nazri Aziz, mendakwa wang tersebut merupakan sumbangan, supaya parti politik mereka dapat memenangi PRU (Pilihan Raya Umum). Pada 22 Ogos 2015, Zahid Hamidi mengatakan wang RM

---

<sup>6</sup>Lihat pula, contohnya, Berita "Najib akan Fail Saman terhadap WSJ Selasa ini" dalam *Astro Awani*, pada 5hb Julai 2015. Wujud secara online pula di: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/najib-akan-fail-saman-terhadap-wsj-selasa-ini-64875> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20hb September 2020].

<sup>7</sup>Lihat pula, umpamanya, News on "Stop Thinking Malaysians are Stupid: Dr Mahathir Tells Najib" in *The Edge Market*, on 26<sup>th</sup> August 2015. Available online also at: <https://www.theedgemarkets.com/article/stop-thinking-malaysians-are-stupid-dr-mahathir-tells-najib> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19<sup>th</sup> September 2020].

2.6 bilion tersebut adalah derma dari Timur Tengah untuk melihat UMNO dan BN (Barisan Nasional) terus kekal mentadbir Malaysia. Ia juga sebagai penghargaan kepada pentadbiran Najib Razak, kerana memperjuangkan pergerakan anti-terorisme dengan bersungguh-sungguh. Zahid Hamidi juga mendakwa sudah bertemu secara empat mata dengan wakil penderma tersebut (Alattas, 2017:242).

Mendakwa wang tersebut sebagai sumbangan parti untuk menang dalam PRU ini kemudiannya telah mengundang kepada persoalan oleh berbagai pihak. Secara logiknya, jika benar wang tersebut merupakan derma untuk parti, ia sepatutnya boleh diklasifikasikan sebagai perbuatan rasuah. Tertakluk kepada undang-undang SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), apa sahaja suapan atau sumbangan yang melibatkan parti politik boleh dikategorikan sebagai perbuatan rasuah. Dengan yang demikian, Najib Razak boleh didakwa atas kesalahan jenayah rasuah disebabkan isu derma tersebut (Fadzil, 2017:22).

Salah seorang ahli politik pembangkang, Faiz Fadzil (2017), mengimbas kembali kisah Datuk Harun Idris, yang merupakan bekas Menteri Besar Selangor, suatu ketika dahulu telah menghadapi hukuman penjara. Ini adalah kerana atas kesalahan menerima derma, walaupun untuk dana parti. Rentetan itu, beliau berpandangan Najib Razak boleh dikenakan sedemikian kerana menerima sumbangan tersebut. Ia adalah melakukan kesalahan di bawah akta SPRM. Walau bagaimanapun, Najib Razak tidak diambil sebarang tindakan berhubung dengan kesalahan tersebut (cf Ismail, 1990; Fadzil, 2017:23; Ishak, 2020).

Identiti penderma tersebut kemudiannya dihebohkan sebagai seorang ahli kerabat Diraja Arab Saudi, namun tidak diketahui siapa. Pada 7 Februari 2016, Peguam Negara, Mohamed Apandi Ali, ada memberi sedikit petunjuk tentang identiti penyumbang. Beliau adalah merupakan putera kepada Al-Marhum Raja Abdullah Abdul Aziz, pemerintah Arab Saudi yang telah mangkat. Berkemungkinan putera yang dimaksudkan tersebut ialah Putera Turki. Pada tahun 2009, Petro-Saudi International milik Putera Turki pernah menjalinkan kerjasama dengan syarikat 1MDB. Namun begitu, status wang RM 2.6 bilion, sama ada ia merupakan derma ataupun sebaliknya, masih dipersoalkan apabila terdapat dakwaan lain lagi bahawa wang yang Najib Razak terima tersebut berkemungkinan adalah sebahagian daripada dana 1MDB yang diselewengkan.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup>Lihat juga, contohnya, Berita "Putera Almarhum Raja Arab Saudi Penderma RM2.6b: Kata Apandi" dalam *Malaysiakini*, pada 7hb Februari 2016. Wujud secara online pula di: <https://www.malaysiakini.com/news/329649> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19hb September 2020].

Pendedahan DoJ Amerika Syarikat, pada 20 Jun 2016, telah menangkis dakwaan Najib Razak bahawa wang tersebut merupakan derma. DoJ mengatakan wang sebanyak AS\$ 681 juta (RM 2.6 bilion) yang masuk ke dalam akaun MO1 (merujuk kepada Najib Razak) adalah hasil daripada dana 1MDB yang diselewengkan. Ia berlaku pada tahun 2013. DoJ juga mendedahkan bahawa AS\$ 620 juta daripada wang tersebut dikembalikan semula oleh Najib Razak ke sebuah akaun bank atas nama Tanore. Namun, Jho Taek Low telah menggunakan wang yang dipulangkan tersebut untuk membeli aset. Ini juga melibatkan pembelian barang kemas berupa rantai merah jambu untuk Rosmah Mansor, isteri kepada Najib Razak. Mengetahui akan laporan DoJ, ia nampaknya selari dengan apa yang didedahkan oleh akhbar *WSJ*. Rentetan itu, membuatkan sebilangan pihak masih mempersoalkan sejauh mana kesahihan dakwaan Najib Razak berhubung wang yang dikirimkan ke dalam akaun peribadi beliau tersebut adalah derma (*cf DoJ, 2017; Maksun, 2020; Paddock, 2020*).

**Siasatan Kes 1MDB.** Pentadbiran Najib Razak juga berdepan dengan kritikan berhubung dengan proses siasatan kes 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*). Jenayah penyelewengan wang melibatkan dana 1MDB, yang dilakukan oleh individu-individu korup, telah dibuktikan kewujudannya oleh pihak berkuasa di negara-negara luar, seperti di Singapura, Switzerland, dan juga Amerika Syarikat. Namun, salah-laku yang berkaitan dengan syarikat 1MDB tersebut tidak dapat dibuktikan oleh para penyiasat di Malaysia. Ia tidak diakhiri dengan mengambil tindakan terhadap mana-mana suspek yang terlibat dalam skandal tersebut.

Cara pengendalian siasatan kes 1MDB dalam negeri pula sebaliknya sering mendapat kritikan. Secara umumnya, siasatan yang dijalankan di Malaysia telah diragui ketelusannya. Keraguan ini muncul apabila Najib Razak bertindak merombak petugas-petugas yang melakukan siasatan ke atas kes 1MDB. Ia dilihat seolah-olah mengganggu perjalanan siasatan tersebut.

Pada Mac 2015, siasatan terhadap kes berhubung dengan dakwaan penyelewengan dana 1MDB telah dijalankan dengan menubuhkan satu pasukan khas. SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), Jabatan Peguam Negara, dan Polis Diraja Malaysia telah terlibat dalam menyiasat kes itu. Banyak maklumat telah mereka jumpai sepanjang siasatan itu. Ini juga merangkumi tentang akaun Najib Razak yang telah menerima kemasukan wang sebanyak lebih daripada AS\$ (Dollar Amerika Syarikat) 1 bilion yang berlaku di antara tahun 2011 dan 2014. Wang sebanyak AS\$ 681 juta, atau RM (Ringgit Malaysia) 2.6

bilion, adalah merupakan jumlah terbesar yang beliau terima. Wang tersebut berasal daripada Bank Falcon di Singapura atas nama Tanore. Selain skandal 1MDB, siasatan berhubung kes SRC (*Syracuse Research Corporation*) International juga telah dijalankan (Anand, 2015; Wright & Hope, 2018:348).<sup>9</sup>

Namun begitu, perkhidmatan Peguam Negara, Abdul Gani Patail, yang turut mengendalikan kes 1MDB telah ditamatkan. Pada 28 Julai 2015, jawatan Peguam Negara kemudiannya diganti oleh Mohamed Apandi Ali. Perlantikan beliau ini dianggap sebagai lantikan politik. Peguam Negara baharu ini adalah bekas ahli dalam parti UMNO (*United Malays Nation Organization*) suatu ketika dahulu. Beliau dipilih secara mengejut dan pantas, hanya selepas beberapa jam Abdul Gani Patail yang mengendalikan Pasukan Petugas Khas 1MDB dipecat. Bukan sahaja Abdul Gani Patail, beberapa petugas lain juga telah diganti. Pada 1 Ogos 2015, jawatan Ketua SPRM, yang sebelumnya dipegang oleh Abu Kassim Mohamed, telah diberikan kepada Dzulkifli Ahmad (Husin, 2017; Satar, 2018).<sup>10</sup>

Pemecatan Abdul Gani Patail telah mendapat perhatian dan mengundang kecurigaan orang ramai. Ia dilihat sengaja dibuat untuk menutup salah-laku yang terjadi dalam syarikat 1MDB dan takut kebenaran akan terungkai. Timbul spekulasi bahawa Abdul Gani Patail sebenarnya ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap Najib Razak. Pada 24 Julai 2015, satu dokumen pertuduhan telah disiapkan untuk diberikan kepada Ketua Hakim. Ia memaparkan tentang peruntukan haramnya rasuah, sama ada memberi atau menerima. Di bawah Akta Komisyen Anti Rasuah Malaysia, seksyen 17(a), kesalahan tersebut boleh dihukum penjara selama 20 tahun maksimumnya. Namun begitu, hasrat beliau tersebut terhenti apabila Najib Razak bertindak pantas memecat beliau. Selepas kejadian itu, syak wasangka telah timbul bahawa siasatan 1MDB tidak dijalankan dengan telus (Wright & Hope, 2018:362).

Mohamed Apandi Ali tidak meneruskan rancangan Abdul Gani Patail, yang ingin mengenakan pertuduhan terhadap Najib Razak atas jenayah rasuah. Sebaliknya, beliau telah membersihkan nama Perdana Menteri ke-6 tersebut dari kesalahan yang melibatkan 1MDB. Ini lebih-lebih lagi berkenaan dengan isu derma RM 2.6 bilion. Pada

<sup>9</sup>Lihat juga, umpamanya, Berita "Polis Tubuh Pasukan Khas Siasatan Penyelewengan 1MDB" dalam *Astro Awani*, pada 9hb Mac 2015. Wujud secara online pula di: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tubuh-pasukan-khas-siasat-penyelewengan-1mdb-55327> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20hb September 2020].

<sup>10</sup>Lihat juga, contohnya, Berita "Saya Kesal Lindungi dan Tak Terus Terang tentang Najib - KJ" dalam *MStar*, pada 15hb Mei 2018. Wujud secara online pula di: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/05/15/kj-kesal-lindungi-najib> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8hb Oktober 2020].



Januari 2016, Mohamed Apandi Ali mengumumkan siasatan ditutup dan tiada salah-laku yang terjadi. Beliau mengesahkan wang yang masuk ke dalam akaun Najib Razak tersebut adalah derma daripada keluarga diraja Arab Saudi (Mohamad, 2017).

Perdana Menteri mendakwa bahawa sebahagian besar daripada wang (kecuali AS\$ 61 juta) tersebut sudah dipulangkan kepada penderma. Sejak itu, Najib Razak telah bebas dari tuduhan jenayah rasuah. Mohamed Apandi Ali, yang tidak mengambil tindakan terhadap mana-mana individu yang disyaki terlibat dalam skandal penyelewengan dana 1MDB ini, telah mengundang kepada spekulasi untuk melindungi kesalahan orang tersebut. Ini menyebabkan kredibiliti beliau sebagai Peguam Negara dipersoalkan (Ahmad, 2019:39).

Ketika mana Mohamed Apandi Ali dilihat seolah-olah menutup kesalahan berkaitan syarikat 1MDB, satu demi satu pendedahan dari para penyiasat luar negara membongkarkan bahawa memang ada terdapat salah-laku dalam kes 1MDB. Ini lebih-lebih lagi apabila terdapat pembongkaran tentang Najib Razak menerima RM 2.6 bilion, yang didakwa sebagai derma tersebut. Ia tidak selari dengan apa yang dilaporkan oleh DoJ (*Department of Justice*) Amerika Syarikat, kerana wang AS\$ 681 juta, atau RM 2.6 bilion, yang masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak tersebut bukan sumbangan. Tetapi ia sebenarnya adalah dana 1MDB yang dipindahkan ke dalam akaun beliau melalui akaun bank atas nama Syarikat Tanore (DoJ, 2017; Maksim, 2020; Paddock, 2020).

Sepanjang Mohamed Apandi Ali menggalas tugas Peguam Negara juga, cara pengendalian beliau terhadap kes 1MDB secara keseluruhannya telah dikritik. Pada ketika siasatan ke atas kes 1MDB masih berjalan, Mohamed Apandi Ali pernah mengatakan bukti siasatan masih tidak cukup. Namun begitu, jawapan yang beliau ketengahkan “tidak cukup bukti” mengenai status siasatan 1MDB tersebut tidak dapat diterima. Ini disebabkan beliau sendiri dilihat tidak komited berbuat demikian, ketika mengendalikan kes tersebut. Ia lebih ketara apabila beliau bertindak menolak untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan isu 1MDB, termasuk daripada Switzerland yang pernah memohon mendapatkan kerjasama perundangan (Alhadjri, 2017:8).<sup>11</sup>

Tony Pua mengkritik Mohamed Apandi Ali kerana tidak melakukan apa yang sepatutnya untuk mengumpulkan lebih bukti tersebut dengan menubuhkan kerjasama dengan beberapa negara

---

<sup>11</sup>Lihat pula, contohnya, Berita “Amerika Rampas RM 14.1 Bilion Harta 1MDB” dalam akhbar *Amanah*, pada 10hb Disember 2017, ms.8.

yang menjalankan siasatan 1MDB, seperti di Switzerland dan Amerika Syarikat. Terdapat juga dakwaan bahawa Peguam Negara pernah mencuba membatalkan hasrat para penyiasat negara-negara luar untuk menyiasat isu berkaitan 1MDB. Wartawan akhbar *WSJ* (*Wall Street Journal*), [Tom Wright & Bradley Hope \(2018\)](#), mendedahkan ketika Mohamed Apandi Ali menghadiri mesyuarat Pendakwa Raya di Zurich, beliau pernah meminta Michael Lauber, Peguam Negara Switzerland, untuk membatalkan siasatannya. Namun Peguam Negara tersebut tersebut tidak mempedulikannya. Dakwaan ini seolah-olah memberi gambaran bahawa Mohamed Apandi Ali tidak berlaku jujur dalam menegakkan keadilan berkaitan 1MDB ([Wright & Hope, 2018:378](#)).<sup>12</sup>

**Skandal 1MDB: Faktor Kejatuhan Kuasa Politik Najib.** Skandal 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*) telah meninggalkan kesan yang negatif kepada Malaysia dalam pelbagai aspek. Ia menyebabkan imej negara merosot sehingga perkembangan ekonominya terjejas. Hal ini berlaku apabila keyakinan pelabur-pelabur untuk membuat pelaburan di Malaysia telah menurun akibat skandal tersebut. Ini diakui oleh sebuah Badan Penarafan Antarabangsa, BMR (*Bureau of Market Research*) di bawah Fitch Group yang mendedahkan ketidakberanian pengurus dana antarabangsa mahupun pelabur untuk membuat pelaburan selagi isu tersebut masih tidak diselesaikan. Para pelabur tidak mahu terlibat dalam urusan niaga yang dianggap sarat dengan amalan rasuah ([Ahmad, 2016:59](#)).

Skandal 1MDB juga ada membawa kesan yang buruk kepada imej Najib Razak sebagai pemimpin utama Malaysia, kerana skandal 1MDB. Ramai yang beranggapan beliau memang turut terlibat dalam jenayah tersebut bersama Jho Taek Low. Beliau selaku penasihat dan juga pengasas penubuhan 1MDB gagal menjawab dan menjelaskan banyak persoalan serta tuduhan yang dilemparkan berkaitan 1MDB. Beliau hanya menafikan tanpa alasan yang kukuh ([Husin, 2015:10-11](#)).

Para media antarabangsa yang berpengaruh tiada berhenti membuat liputan mengenai skandal 1MDB ini. [Hisham Rais \(2018\)](#), dan sarjana lainnya, mengatakan sebanyak 55 majalah dan surat khabar di dunia telah membuat liputan mengenainya dan peranan Najib Razak sebagai “pencuri”. Disebabkan isu tersebut, beliau tidak lagi dipandang oleh majoriti rakyat sebagai pemimpin yang berintegriti (*cf* [Rais, 2018:51](#); [Efendi, 2020](#); [Maksum, 2020](#)).

<sup>12</sup>Lihat juga, umpamanya, News on “Pua Slams Apandi Over 1MDB Probe ‘Lacking Evidence’ Claim” in newspaper of *Free Malaysia Today*, on 2<sup>nd</sup> November 2017. Available online also at: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/11/02/pua-slams-apandi-over-1mdb-probe-lacking-evidence-claim/> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 22<sup>nd</sup> September 2020].

Ada juga tindakan atau respon Najib Razak berhubung skandal 1MDB tersebut, yang menyebabkan banyak pihak bertambah curiga kepada beliau. Ini lebih-lebih lagi apabila beliau enggan untuk memfailkan saman atas dakwaan yang dilemparkan kepada beliau. Ini telah membuka ruang kepada spekulasi atau tuduhan bahawa beliau mengetahui dirinya terlibat dan takut kebenaran akan terbongkar kerana menerima RM (Ringgit Malaysia) 2.6 bilion hasil penyelewengan dana 1MDB.

Bagi menutup pendedahan terhadap skandal 1MDB, Najib Razak mengambil langkah “menghukum” sebahagian pihak yang mengkritik dan membongkar kes ini. Kerajaan telah melakukan sekatan terhadap akhbar yang mempunyai peranan dalam membongkarkan skandal 1MDB, termasuk isu yang melibatkan Najib Razak. Pada 20 Julai 2015, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mengambil tindakan menyekat laman blog *Sarawak Report*. Tindakan Najib Razak ini telah menghakis kebebasan bersuara yang penting dalam pemerintahan demokrasi. Najib Razak juga bertindak menyingkirkan orang-orang yang lantang bersuara mengenai kesalahan yang terdapat dalam syarikat 1MDB, seperti Muhyiddin Yassin dan Shafie Afdal (Gunasegaram & Kinibiz, 2018:201).

Lantaran adanya jenayah penyelewengan wang melibatkan dana syarikat 1MDB tersebut, juga pentadbiran Najib Razak telah dianggap sebagai “kleptokrasi”. Ia merujuk kepada suatu dasar pentadbiran sesebuah negara yang dilakukan oleh individu yang korup. Dengan kaedah tidak sah, mereka mengaut hasil negara untuk mengejar kekayaan peribadi. Mereka mempraktikkannya melalui amalan, seperti penyalahgunaan kuasa dan suapan atau korupsi yang boleh mendorong negara mengalami kerugian. Jeff Sessions, Peguam Negara Amerika Syarikat, merujuk tindakan individu atau pegawai 1MDB yang menyelewengkan dana 1MDB untuk kepentingan mereka sendiri, dengan membuat kenyataan: “*this is kleptocracy at its worst*” (Hassan, Nazaruddin & Jawan, 2018:1).<sup>13</sup>

Kerajaan BN (Barisan Nasional) di bawah kepimpinan Najib Razak telah kehilangan banyak sokongan, ini termasuk daripada sebahagian ahli UMNO (*United Malays Nation Organization*) sendiri, seperti mentor mereka, Mahathir Mohamad, yang sebelumnya menyokong kuat Najib Razak untuk mengambil-alih tampuk kepimpinan menggantikan Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009). Mahathir Mohamad telah

---

<sup>13</sup>Lihat pula, contohnya, Video “US AG Jeff Sessions: 1MDB Kleptocracy at its Worst” in *The True Net: YouTube*, on 5<sup>th</sup> December 2017. Available online also at: <https://www.youtube.com/watch?v=ipySWOpAd88> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9<sup>th</sup> October 2020].

membuat kritikan secara terbuka dalam beberapa perkara, ini termasuk juga tentang isu skandal 1MDB. Disebabkan skandal 1MDB, beliau yang merupakan orang kuat UMNO dan isteri, Siti Hasmah, telah meninggalkan parti itu pada 19 Februari 2016. Beliau mengatakan bahawa beliau malu mempunyai kaitan dengan parti yang korup (Ahmad, 2019:22).

Pada tahun 2017, Mahathir Mohamad menubuhkan parti politik yang dikenali sebagai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Parti itu turut disertai oleh Muhyiddin Yassin, bekas Timbalan Perdana Menteri (2009-2015), yang telah dilucutkan jawatannya oleh Najib Razak. Pada Mac 2017, BERSATU telah menjadi parti keempat menganggotai pihak pembangkang, iaitu PH (Pakatan Harapan). Mereka kemudiannya bersama-sama menentang BN (Barisan Nasional), yang dipelopori oleh Najib Razak. Pihak pembangkang telah memainkan peranan dalam menyampaikan secara aktif berhubung dengan skandal 1MDB kepada rakyat. Mereka ada menawarkan dalam manifesto untuk menyelesaikan skandal 1MDB, yang juga merangkumi isu derma RM2.6 bilion dalam akaun peribadi Najib Razak, jika berjaya memenangi PRU (Pilihan Raya Umum) ke-14 pada 2018. Orang-orang yang terlibat dalam skandal ini juga ingin mereka hadapkan ke muka pengadilan (Ahmad, 2019:29).

Najib Razak turut menghadapi defisit kepercayaan dan sokongan daripada berbagai lapisan rakyat disebabkan skandal 1MDB. Secara berterusan ia telah memberi kesan terhadap sokongan rakyat, khususnya dari kalangan terpelajar, golongan muda, yang tinggal di sekitar bandar ataupun separa bandar (Husin, 2015:23).

Ada antara mereka yang menganjurkan perhimpunan-perhimpunan berbentuk bantahan terhadap Najib Razak. Salah satunya ialah Perhimpunan "Tangkap MO1", yang dianjurkan pada Ogos 2016. Rakyat ketika itu meminta supaya MO1 (*Malaysia Official 1*) ditangkap. Permintaan perhimpunan tersebut tidak diendahkan oleh kerajaan. Mohd Sayuti Omar (2016) melihat perhimpunan tersebut sebagai sia-sia. Ini adalah merujuk kepada pihak berkuasa yang sepatutnya melakukan operasi siasatan berhubung isu tersebut sepertinya dihalang daripada berbuat demikian. Peguam Negara yang membersihkan nama Najib Razak daripada kesalahan telah menutup ruang siasatan yang mungkin boleh membawa kepada individu yang terlibat dalam skandal tersebut ditangkap dan didakwa (Omar, 2016:67-68).<sup>14</sup>

---

<sup>14</sup>Lihat pula, contohnya, Video "Reactions After Rahman Dahlan Tells BBC that Najib is MO1" in *The Star Online*, on 2<sup>nd</sup> September 2016. Available online also at: <https://www.youtube.com/watch?v=EIHH3Y5CpsY> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20<sup>th</sup> September 2020].

Pada ketika itu, kemarahan rakyat bukan hanya ditunjukkan melalui perhimpunan, malah ia berterusan dan diperlihatkan pada PRU ke-14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018. Kemarahan bukan hanya ditempiaskan kepada Najib Razak sahaja, tetapi ia juga turut membawa padah kepada kerajaan BN (Barisan Nasional), yang dipimpin beliau secara keseluruhannya.

Sebelum PRU ke-14 berlangsung, sudah terdapat jangkaan bahawa skandal 1MDB bakal membenamkan Najib Razak dan Kerajaan BN dalam pilihan raya akan datang. Rakyat Malaysia telah bersatu kerana skandal 1MDB. Mereka bukan lagi mengundi atas dasar sentimen agama dan perkauman. Mereka mahu isu ekonomi dibendung yang disebabkan oleh ketidakcekapan dalam menguruskan kewangan, keborosan wang negara, serta pengamalan gaya hidup mewah oleh pemimpin. Mereka juga mengharapkan isu keruntuhan maruah negara ditangani. Atas isu tersebut, rakyat telah bersiap sedia mengundi, menginginkan kerajaan yang amanah, ideal, bersih, dan cekap (Maidin, 2017:82).

Akhirnya, ini dapat mereka capai. Pada 9 Mei 2018, satu sejarah telah dilakar apabila kerajaan BN tidak berjaya mengesan gelombang tsunami rakyat pada PRU, lalu tewas buat pertama kali, selepas lebih daripada 60 tahun menjadi kerajaan sejak tahun 1957. Ini sekaligus telah membawa kepada kejatuhan kuasa politik Najib Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia (cf Salleh, 2008; Besar, 2019; Ibrahim *et al.*, 2020).

Selepas tewasnya BN, ia telah menyaksikan Najib Razak telah dipersalahkan oleh sebilangan sebilangan ahli-ahli UMNO sebagai punca mereka gagal mempertahankan kuasa untuk terus menerajui Kerajaan Persekutuan. Rentetan itu, ada yang menyeru Najib Razak supaya meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO. Ini dilakukan Najib Razak pada 12 Mei 2018. Beliau secara sukarela meletakkan kedua-dua jawatan sebagai Presiden UMNO dan juga Pengerusi BN.

Tidak dinafikan bahawa isu kewangan besar skandal 1MDB telah menjadi antara pendorong kepada kejatuhan kuasa politik Najib Razak. Ini berdasarkan kepada pandangan beberapa ahli-ahli politik. Misalnya pada 10 Mei 2018, Azmin Ali telah menghuraikan faktor kemenangan PH. Selain menyebutkan faktor kos sara hidup yang meningkat dan kecurangan yang berlaku dalam mengendalikan kewangan, beliau turut menyebutkan isu besar 1MDB sebagai puncanya.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup>Lihat, contohnya, Berita "Azmin Bongkar Punca Pakatan Harapan Menang" dalam *Sinar Harian*, pada 10 Mei 2018; dan berita dalam *Astro Awani*. Wujud secara online pula di: <http://www.astroawani.com/berita-politik/azmin-bongkar-punca-pakatan-harapan-menang-175060> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8hb Oktober 2020].

Bukan sahaja dari ahli-ahli politik PH, bahkan rakan seperjuangan Najib Razak dalam UMNO sendiri juga mengakui bahawa skandal berprofil tinggi tersebut telah menyebabkan BN tersungkur dan ditolak rakyat dalam PRU ke-14. Ini juga termasuk penolakan rakyat terhadap pengerusi BN, Najib Razak. Ada Ahli-Ahli UMNO juga mula memperlihatkan sisi mereka yang berbeza selepas kekalahan BN dalam PRU. Jika sebelumnya, mereka mempertahankan Najib Razak dan tidak senada dengan bekas Timbalan Muhyiddin Yassin yang lantang mengkritik soal 1MDB. Namun pada pasca PRU ke-14, ada segelintir daripada mereka mula menyedari dan menyesal kerana tidak bersuara dan mengkritik tentang kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam syarikat 1MDB ketika menjadi kerajaan. Antaranya ialah bekas Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin. Beliau meluahkan kekesalan kerana tidak bersikap terus terang, tetapi sebaliknya melindungi Najib Razak berhubung dengan skandal 1MDB. Menurut beliau lagi, pada ketika berlakunya pemecatan (merujuk kepada perlucutan jawatan Muhyiddin Yassin dan beberapa ahli-ahli UMNO yang lain disebabkan skandal 1MDB) tersebutlah sepatutnya beliau dan anggota UMNO yang lain bersuara (Ismail, 2018:333).<sup>16</sup>

Khairy Jamaluddin mengakui bahawa isu kewangan tersebut telah membawa mereka tewas dalam PRU ke-14. Pada ketika menghadiri temubual yang dianjurkan oleh *Utusan Malaysia* pada 17 November 2018, beliau turut menjelaskan bagaimana skandal 1MDB tersebut telah dihubung-kaitkan dengan pelbagai isu lain. Isu kos sara hidup dan pelaksanaan sistem percukaian GST (*Goods and Services Tax*) telah dikaitkan dengan untuk membayar hutang syarikat 1MDB. Begitu juga dengan gaya hidup Rosmah Mansor yang juga dihubungkan dengan 1MDB. Ini mencerminkan betapa besarnya peranan skandal 1MDB bagi beliau, sehingga ia dikaitkan dengan isu-isu hangat yang lain. Skandal 1MDB menjadi hangat dibahaskan bukan sahaja kerana kewujudan salah laku penyelewengan dana 1MDB, tetapi juga kerana isu hutangnya yang besar sampai ketahap berbilion-bilion ringgit. Nazri Aziz, yang merupakan bekas Menteri, juga beranggapan bahawa faktornya bukan atas sebab rakyat menolak mereka, tetapi adalah atas faktor 1MDB (Ismail, 2018; Maksom, 2020; Hadzman, 2022).<sup>17</sup>

Ada juga pemimpin UMNO sudah mula membuka cerita bagaimana

<sup>16</sup>Lihat semula, contohnya, Berita "Saya Kesal Lindungi dan Tak Terus Terang tentang Najib - KJ" dalam *MStar*, pada 15hb Mei 2018. Wujud secara online pula di: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/05/15/kj-kesal-lindungi-najib> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8hb Oktober 2020].

<sup>17</sup>Lihat juga sebagai perbandingan, contohnya, News on "Ex-minister Blames 1MDB Scandal for Party's Defeat" in *The Nation*, on 5 November 2018. Available online also at: <https://www.pressreader.com/thailand/the-nation/20181105/281625306311944> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 7<sup>th</sup> October 2020].

mereka bertindak bersuara dan menegur mengenai skandal 1MDB tersebut ketika BN berada ditampuk kuasa lagi. Ini lebih-lebih lagi tentang soal wang berjumlah RM2.6 bilion yang masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak. Annuar Musa, contohnya, mendedahkan bahawa beliau telah menjadi jurucakap kepada beberapa Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Menteri untuk menyeru Najib Razak memberi respon tentang persoalan mengenai dana tersebut. Selain itu juga memberi amaran bahawa UMNO akan tewas dalam PRU ke-14 jika isu ini gagal diselesaikan (Ismail, 2018; Maksum, 2020).<sup>18</sup>

Pendedahan ini memaparkan bahawa ahli-ahli politik UMNO pada hakikatnya mengakui bahawa memang ada salah-laku dalam 1MDB, tetapi memilih untuk tidak bersuara secara terus terang seperti apa yang dilakukan oleh Muhyiddin Yassin. Berkemungkinan ini dilakukan mereka untuk melindungi kesalahan dalam 1MDB, seperti yang dikatakan oleh Khairy Jamaluddin. Bahkan tindakan ahli UMNO yang sebaliknya mempertahankan pemimpin mereka pernah dianggap oleh Mahathir Mohamad (2015a dan 2015b) sebelumnya sebagai hanya untuk menyelamatkan jawatan mereka masing-masing. Sementara itu, pemimpin di negara-negara Barat apabila terlibat dengan skandal sedemikian akan selalunya memohon maaf dan meletakkan jawatan (Mohamad, 2015a dan 2015b).

Bukan setakat ahli-ahli politik, ada juga para penganalisis politik yang tidak menafikan bahawa skandal 1MDB adalah merupakan dalang kepada kekalahan BN dan sekaligus kejatuhan kuasa politik Najib Razak. Sebagaimana pandangan dari Mohamad Faisol Keling (2018), dan sarjana lainnya, yang mengatakan bahawa faktor majoriti rakyat mengambil keputusan melucutkan BN daripada mentadbir negara ialah kerana kewujudan isu beprofil tinggi seperti 1MDB, isu RM 2.6 bilion serta isu-isu yang melibatkan agensi kerajaan, seperti MARA (Majlis Amanah Rakyat) dan FELDA (*Federal Land Development Authority*) di Malaysia (cf Keling, 2018; Besar, 2019; Ibrahim et al., 2020).

Walau bagaimanapun, faktor kejatuhan kuasa politik Najib Razak bukan hanya tertumpu kepada skandal 1MDB sahaja. Faktor-faktor lain tidak kurang juga turut memainkan peranan dalam membawa kepada kejatuhan politik Najib Razak. Isu-isu dari segi ekonomi, seperti kenaikan harga barang dan kos sara hidup ketika era pentadbiran Najib Razak juga ada memainkan peranan dalam mengurangkan tahap sokongan rakyat dan membawa kejatuhan kuasa politik Najib

---

<sup>18</sup>Lihat pula, contohnya, News on "Annuar Musa: I Reprimanded Najib on RM2.6b" in *Malaysiakini*, on 29 June 2018. Available online also at: <https://www.malaysiakini.com/news/431854> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8<sup>th</sup> October 2020].

Razak dan BN pada PRU ke-14 pada 2018. Dasar ekonomi Najib Razak yang tidak popular, iaitu pelaksanaan sistem percukaian GST sering diuar-uarkan sebagai antara punca peningkatan harga barang dan kos sara hidup. Rakyat berpersepsi bahawa cukai tersebut adalah untuk menolong kerajaan dalam mendorong perkembangan negara, tetapi dengan cara menekan rakyat (Besar, 2019:229; Maksum, 2020).<sup>19</sup>

Selain itu, pengaruh kuat Mahathir Mohamad yang merupakan pihak lawan Najib Razak bagi merebut kerusi Perdana Menteri dalam PRU ke-14 juga turut menjadi faktor yang membawa kemenangan bersejarah kepada PH dan kejatuhan kuasa politik Najib dan BN. Apabila parti BERSATU yang dipengerusikan oleh Mahathir Mohamad memilih untuk bergabung dengan blok pembangkang PH, ini dengan sendirinya menarik minat rakyat untuk menyokong PH dalam PRU ke-14. Tambahan pula, PH telah bersepakat memilih beliau sebagai calon Perdana Menteri apabila mereka berjaya merampas kuasa pentadbiran daripada kerajaan BN. Di mata rakyat, Mahathir Mohamad masih lagi dianggap sebagai ikon berjasa (Chin & Dosch, 2016; Teik, 2018; Besar, 2019).

Mahathir Mohamad dikenali oleh majoriti rakyat sebagai arkitek pembangunan negara. Segala faedah dan kebaikan yang rakyat nikmati sekarang, lebih-kurang satu pertiga daripadanya ialah merupakan atas dasar cetusan idea serta usaha beliau Ketika mentadbir negara Malaysia sebagai Perdana Menteri (1981-2003). Mahathir Mohamad masih mampu membangkitkan sikap entusiasme di kalangan orang muda untuk memutuskan kemenangan dalam PRU. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa strategi PH untuk menjadikan Mahathir Mohamad sebagai bakal Perdana Menteri kali kedua telah dapat menewaskan Najib Razak dan BN (Husin, 2015:66; Rohman, 2018; Teik, 2018).

Apabila PH telah berjaya mendapat mandat rakyat melalui PRU ke-14 pada 2018, mereka menepati hasrat mereka supaya individu-individu yang terlibat dalam skandal 1MDB diadili di mahkamah. Ini termasuk Najib Razak yang didakwa menerima dana 1MDB, yang masuk ke dalam akaun peribadi beliau. Mulakan tahun 2018, proses perbicaraan mengenai skandal 1MDB terus berjalan, sehingga tahun 2020. Pada 28hb Julai 2020, Mahkamah Persekutuan Malaysia memutuskan bahawa Najib Razak dinyatakan bersalah dan kena menjalani hukuman 12 tahun penjara serta denda RM 210 juta, yang

---

<sup>19</sup>Lihat pula, contohnya, Video "UMNO Berada di Alam Barzakh Politik (Bahagian 2)" dalam *Utusan Online*, pada 18hb November 2018. Wujud secara online pula di: <https://www.youtube.com/watch?v=n785cXcGz9A> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 16 September 2020].



didapati bersalah pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan, dan pengubahan wang haram dana RM 42 juta milik SRC International Sdn Bhd (Efendi, 2020; Maksum, 2020).<sup>20</sup>

Oleh yang demikian, skandal 1MDB memang memainkan peranan dalam menjejaskan tahap sokongan rakyat terhadap Najib Razak, sehingga menjatuhkan kerajaan BN dalam PRU ke-14 pada 2018 di Malaysia. Namun begitu, terdapat faktor-faktor lain seperti isu kenaikan kos sara hidup dan strategi PH dalam mencalonkan Mahathir Mohamad sebagai bakal pemimpin (Perdana Menteri kali kedua) juga turut mengundang kepada tumbangunya kuasa politik Najib Razak (2009-2018) dan juga BN di Malaysia.

## KESIMPULAN

Syarikat 1MDB (*1Malaysia Development Berhad*) ditubuhkan dengan tujuan yang baik sebagai satu usaha memperkasakan ekonomi Malaysia. Namun begitu, usaha tersebut tidak membuahkan hasil. Sebaliknya, syarikat itu telah membawa imej negara terjejas di mata dunia kerana terpalit dengan skandal kewangan mega. Telah terbongkar bahawa dana 1MDB telah dibolot oleh individu dan juga pegawai yang korup untuk kepentingan mereka sendiri. Skandal ini telah dikenali sebagai skandal berskala *the heist of the century* atau rompakan terbesar yang pernah terjadi.

Menurut Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat, kira-kira sebanyak AS\$ (Dollar Amerika Syarikat) 4.5 bilion telah diselewengkan melalui perpindahan ke dalam akaun-akaun bank di negara-negara luar sehingga terbongkar bahawa seorang individu berbangsa Cina warga negara Malaysia, Jho Taek Low, merupakan dalang utama dalam penyelewengan dana 1MDB. Atas pengetahuan Najib Razak, Jho Taek Low ada memainkan peranan di sebalik tabir dalam pengurusan syarikat 1MDB, seperti dalam hal pelaburan. Ia telah terlibat dalam penyelewengan dana 1MDB berbilion-bilion Ringgit Malaysia, yang didapati dilakukan sejak tahun 2009 sehingga tahun 2014.

Skandal 1MDB telah menjadi perhatian umum kerana terdapat pendedahan yang menunjukkan bahawa ada wang hasil daripada penyelewengan dana 1MDB telah masuk ke dalam akaun peribadi Najib Razak. Dalam laporan DoJ (*Department of Justice*) Amerika Syarikat, beliau diistilahkan sebagai MO1 (*Malaysia Official 1*). Di antara sekitar tahun 2009 sehingga 2014, sejumlah AS\$ 112.3 juta telah diterima oleh

---

<sup>20</sup>Sila tengok pula, contohnya, Berita "Najib Dipenjara Dapat Liputan Media Antarabangsa" dalam *Berita Harian Online*, pada 24 Ogos 2022. Wujud secara online pula di: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/992305/najib-dipenjara-dapat-liputan-media-antarabangsa> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19hb September 2022].

Najib Razak ke dalam bank akaun peribadi, yang dipercayai daripada dana 1MDB yang disonglap. Jumlah terbesar yang beliau terima ialah pada tahun 2013, iaitu sebanyak AS\$ 681 juta (RM 2.6 bilion). Wang berjumlah RM (Ringgit Malaysia) 2.6 bilion tersebut merupakan satu isu yang hangat diperkatakan sejak *WSJ* (*Wall Street Journal*), yang membongkar pada tahun 2015. Najib Razak mendakwa wang tersebut adalah derma.

Peguam Negara baharu, Mohamed Apandi Ali, telah membersihkan nama Najib Razak daripada sebarang salah-laku 1MDB. Beliau turut mengesahkan wang tersebut merupakan sumbangan daripada individu yang berlatar belakangkan keluarga diraja Arab Saudi. Tambahan juga telah dijelaskan oleh beliau bahawa tidak ada salah-laku pengubahan wang haram berlaku dalam syarikat 1MDB. Namun begitu, telah didapati bahawa terdapat percanggahan dengan pengesahan ini dengan hasil siasatan di luar negeri, seperti Switzerland dan Amerika Syarikat bahawa memang ada penyelewengan yang berlaku. Bahkan, telah terdedah dalam laporan DoJ Amerika Syarikat bahawa RM 2.6 bilion yang diterima Najib Razak bukanlah sumbangan, tetapi berasal dari wang 1MDB yang diselewengkan.

Kepimpinan Najib Razak telah terkena tempias kemarahan daripada rakyat disebabkan 1MDB. Ketika era pentadbiran beliau (2009-2018), telah didapati bahawa siasatan tidak ditangani dengan baik di Malaysia dan bahkan, tidak ada sebarang tindakan yang diambil keatas suspek-suspek yang dipercayai terlibat dalam skandal penyelewengan dana 1MDB. Bukan itu sahaja, terdapat siasatan, khususnya dari DoJ Amerika Syarikat yang menunjukkan bahawa akaun peribadi beliau ada menerima dana 1MDB. Ini menyebabkan Najib Razak berada di posisi yang bahaya. Ia telah dilihat seolah-olah beliau terlibat dalam jenayah tersebut, sama seperti Jho Taek Low dalam menyelewengkan dana 1MDB. Ia lebih mengeruhkan lagi keadaan apabila beliau tidak bertindak mengeluarkan saman ke atas akhbar *WSJ* untuk membuktikan beliau tidak bersalah. Banyak juga persoalan yang dikemukakan kepada beliau berhubung 1MDB tidak dijawab sebaiknya.

Dengan itu, jelaslah bahawa skandal 1MDB telah meninggalkan impak yang negatif. Ini juga termasuk impaknya terhadap kerjaya politik Najib Razak (2009-2018). Semasa beliau masih menjadi Perdana Menteri, beliau kehilangan banyak sokongan daripada rakyat kerana tidak lagi dilihat sebagai pemimpin yang berkredibiliti. Sehingga ada rakyat menganjurkan perhimpunan untuk mengambil tindakan ke atas Najib Razak. Telah wujud istilah "kleptokrasi" bagi menjelaskan

tindakan individu dan juga pegawai-pegawai yang terlibat mengambil dana ini untuk kepentingan mereka sendiri, bukannya untuk rakyat.

Akhirnya, Najib Razak beserta kerajaan yang dipimpin beliau iaitu BN (Barisan Nasional) terpaksa menghadapi kesan yang lebih besar lagi apabila mereka tumpas di tangan PH (Pakatan Harapan) pada PRU (Pilihan Raya Umum) ke-14 pada 9 Mei 2018. Ini menjadikan Najib Razak tidak dapat mengekalkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia (2009-2018), tapi ditukar oleh Perdana Menteri Malaysia selanjutnya, iaitu Mahathir Mohamad (kali kedua, 2018-2020), Muhyiddin Yassin (2020-2021), dan Ismail Sabri (2021-2022).<sup>21</sup>

## Referensi

- Ahmad, Dzulkefly. (2016). *Najibnomics: Rahmat atau Malapetaka?* Selangor: Ilham Books.
- Ahmad, Nik Nazmi Nik. (2019). *9 May 2018: Notes from the Frontline*. Selangor: Strategic Information and Research Development.
- Alattas, S.H. (2017). *Penghujung Hidup Najib Razak*. Kuala Lumpur: JB News Media Network.
- Alhadjri, Alyaa. (2017). "Apendi: Bukti Siasatan 1MDB Belum Mencukupi" dalam *Malaysiakini*, pada 31hb Oktober. Wujud secara online pula di: <https://www.malaysiakini.com/news/400201> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 22hb September 2020].
- Anand, R. (2015). "MP: 1MDB 'Subahat' dalam 'Penipuan' Aset" dalam *Malaysiakini*, pada 2 Mac. Wujud secara online pula di: <https://www.malaysiakini.com/news/290675> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 18 September 2020].
- Badaruddin, Mohammad Qayyum. (2018). *Sumpahan Teori Rahman*. Selangor: Casamas Resources, Sdn Bhd.
- Berita dalam *The Star Online*, pada 2016.
- Berita "Amerika Rampas RM 14.1 Bilion Harta 1MDB" dalam akhbar *Amanah*, pada 10hb Disember 2017, ms.8.
- Berita "Azmin Bongkar Punca Pakatan Harapan Menang" dalam *Sinar Harian*, pada 10 Mei 2018; dan berita dalam *Astro Awani*. Wujud secara online pula di: <http://www.astroawani.com/berita-politik/azmin-bongkar-punca-pakatan-harapan-menang-175060> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8hb Oktober 2020].
- Berita "MP: 1MDB Bersubahat" dalam *Malaysia Dateline*, 2015.
- Berita "MP Amanah Jelaskan Kenapa DOJ Tidak Sebut Siapa MO1" dalam *Malaysia Dateline*, pada 5hb September 2016. Wujud secara online pula di: <https://malysiadateline.com/mp-amanah-jelaskan-kenapa-doj-tidak-sebut-siapa-mo1/>

---

<sup>21</sup>*Kenyataan:* Kami, yang bertanda-tangan di bawah ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini, beserta kandungan dan pentafsirannya, adalah karya akademik kami bertiga. Ianya bukan hasil daripada amalan plagiat, memandangkan semua sumber yang kami petik dan rujuk, ianya wujud secara penuh dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Artikel ini juga belum pernah dihantar, sama ada untuk diwasit mahupun diterbitkan, kepada jurnal-jurnal akademik lainnya. Kami bersedia diberi sanksi akademik, sekiranya mana-mana yang kami nyatakan ini tidak selari dengan hakikat sebenar.

- [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19hb September 2020].
- Berita “Najib akan Fail Saman terhadap WSJ Selasa ini” dalam *Astro Awani*, pada 5hb Julai 2015. Wujud secara online pula di: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/najib-akan-fail-saman-terhadap-wsj-selasa-ini-64875> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20hb September 2020].
- Berita “Najib Dipenjara Dapat Liputan Media Antarabangsa” dalam *Berita Harian Online*, pada 24 Ogos 2022. Wujud secara online pula di: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/992305/najib-dipenjara-dapat-liputan-media-antarabangsa> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19hb September 2022].
- Berita “Polis Tubuh Pasukan Khas Siasatan Penyelewengan 1MDB” dalam *Astro Awani*, pada 9hb Mac 2015. Wujud secara online pula di: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tubuh-pasukan-khas-siasat-penyelewengan-1mdb-55327> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20hb September 2020].
- Berita “Putera Almarhum Raja Arab Saudi Penderma RM2.6b: Kata Apandi” dalam *Malaysiakini*, pada 7hb Februari 2016. Wujud secara online pula di: <https://www.malaysiakini.com/news/329649> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19hb September 2020].
- Berita “Saya Kesal Lindungi dan Tak Terus Terang tentang Najib – KJ” dalam *MStar*, pada 15hb Mei 2018. Wujud secara online pula di: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/05/15/kj-kesal-lindungi-najib> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8hb Oktober 2020].
- Besar, Junaidi Awang. (2019). “Perubahan Politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia” dalam *GEOGRAFIA: OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, Vol.15, Iss.4, ms.220-232. Wujud secara online pula di: <http://journalarticle.ukm.my/14213/1/36211-114168-1-PB.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2hb Mac 2022].
- Brown, C.R. (2014). “More Links – Jho Low’s Spending and Malaysia’s Development Money EXCLUSIVE” in *Sarawak Report*, on 20<sup>th</sup> September. Available online also at: <http://www.sarawakreport.org/2014/09/more-links-jho-lows-spending-and-malaysias-development-money-exclusive> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9<sup>th</sup> October 2020].
- Brown, C.R. (2015). “SENSATIONAL FINDINGS! – Prime Minister Najib Razak’s Personal Accounts Linked to 1MDB Money Trail MALAYSIA EXCLUSIVE!” in *Sarawak Report*, on 2<sup>nd</sup> July. Available online also at: <http://www.sarawakreport.org/2015/07/sensational-findings-prime-minister-najib-razaks-personal-accounts-linked-to-1mdb-money-trail-malaysia-exclusive/> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20<sup>th</sup> September 2020].
- Brown, C.R. (2018). *The Sarawak Report: The Inside Story of the 1MDB Expose*. Selangor: Gerakbudaya Enterprise.
- Chin, James & Joern Dosch. (2016). *Malaysia Post Mahathir: A Decade of Change? USA [United States of America]: Marshall Cavendish*.
- DoJ [Department of Justice]. (2017). “06.115.17: Viceroy Complaint”. *Unpublished Document*, on 15<sup>th</sup> June. Available online also at: <https://www.justice.gov/opa/press-release/file/973671/download> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14<sup>th</sup> September 2020].
- Efendi, Ahmad. (2020). “Najib Razak Dinyatakan Bersalah Terkait Skandal Korupsi 1MDB” dalam *TIRTO.ID*, pada 28 Julai. Wujud secara online pula di: <https://tirto.id/najib-razak-dinyatakan-bersalah-terkait-skandal-korupsi-1mdb-fUaF> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2hb Mac 2022].

- Fadzil, Faiz. (2017). *Kleptokrasi Bukan Rahmat*. Selangor: Ilham Books.
- Gunasegaram, P. & Kinibiz. (2018). *1MDB: The Scandal that Brought Down a Government*. Selenagor: Strategic Information and Research Development Centre.
- Hadzman, Maszureen. (2022). "Skandal 1MDB: Rosmah Hadir di Mahkamah Kuala Lumpur" dalam *Utusan Malaysia: Pemikiran Baharu*, pada 25 Ogos. Wujud secara online pula di: <https://www.utusan.com.my/berita/2022/08/skandal-1mdb-rosmah-hadir-di-mahkamah-kuala-lumpur> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19hb September 2022].
- Hassan, Mat Ali, Mohd Izzuddin Nazaruddin & Jayum Jawan. (2018). "Kerajaan Kleptokratik Pasca Reformasi di Malaysia dan Indonesia" dalam *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 13(1), ms.1-15. Wujud secara online pula di: [file:///C:/Users/Acer/Downloads/25931-77652-1-SM%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/Acer/Downloads/25931-77652-1-SM%20(1).pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 23hb September 2020].
- Husin, Shahbudin. (2015). *Kad Merah untuk Najib*. Selangor: Special One Publication.
- Husin, Shahbudin. (2017). "Siapa Apandi Ali? Bukankah Beliau juga Peguam Negara yang Bersifat Politik?" dalam *Shahbudindotcom*, pada 28hb Jun. Wujud secara online pula di: <https://shahbudindotcom.net/2017/06/28/siapa-apandi-ali-bukankah-beliau-juga.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14hb September 2020].
- Ibrahim, Mohd Azri *et al.* (2020). "Analisis Pola Pengundian dan Senario Politik Semasa di Malaysia Era Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 Berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah" dalam *MJSSH: Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.5, Iss.5, ms.60-71. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/322745-analisis-pola-pengundian-dan-senario-pol-d733664e.pdf> [dilayari di Bandar Sero Begawan, Brunei Darussalam: 11hb Mac 2022].
- Ishak, Azar. (2020). "5 Kes Pecah Amanah dan Rasuah Menggemparkan Malaysia, tapi Kena Lepas?" dalam *SOSCILI.MY*, pada 30 July. Wujud secara online pula di: <https://soscili.my/5-kes-rasuah-terbesar-kat-malaysia-apa-jadi-pada-mereka-sekarang/> [dilayari di Bandar Sero Begawan, Brunei Darussalam: 2hb Mac 2022].
- Ismail, Ghazali. (1990). *Kemungkar-an-kemungkar-an Harun Idris*. Kuala Lumpur: Penerbitan Mutiara.
- Ismail, Muhammad Takiyuddin. (2018). "Kejatuhan UMNO dalam Pilihan Raya ke-14: Analisis Pengajaran Politik" dalam *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Volume 45(2), ms.319-342. Wujud secara online pula di: <http://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/29220/8708> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 23hb September 2020].
- Jalil, Melati. (2015). "Donation Came from 'Brotherly' Nation in the Middle East, Says Nazri" in *The Edge Market*, on 12<sup>th</sup> August. Available online also at: <https://www.theedgemarkets.com/article/donation-came-%E2%80%98brotherly%E2%80%99-nation-middle-east-says-nazri> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20<sup>th</sup> September 2020].
- Keling, Mohamad Faisol. (2018). "Antara Faktor Kekalahan BN, Kemenangan Bermakna PH" dalam *KOSMO*. Wujud secara online pula di: <http://www.kosmo.com.my/jurnal/antara-faktor-kekalahan-bn-8232-kemenangan-bermakna-ph-1.671102> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15 Februari 2020].
- Kuntowijoyo. (2008). *Penjelasan Sejarah*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Maidin, Zainuddin. (2017). *Pergi Mampuslah UMNO*. Selangor: ZI Publications Sdn Bhd.
- Maksum, A. (2020). "1MDB (1 Malaysia Development Berhad), Scandal, and its Impact on Malaysian Domestic Politics" in *POLITIKA: Jurnal Ilmu Politik*, Vol.11, No.2, pp.198-218. Available online also at: <https://doi.org/10.14710/politika.11.2.2020.198-218>

- [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2<sup>nd</sup> March 2022].
- Mohamad, Mahathir. (2015a). "UMNO dan PRU 14" dalam *CHEDET*, pada 2hb April. Wujud secara online pula di: <http://chedet.cc/?p=1624> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 11hb Mac 2022].
- Mohamad, Mahathir. (2015b). "The 2.6 Billion Donation?" in *CHEDET*, on 26<sup>th</sup> August. Available online also at: <http://chedet.cc/?p=1843> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 11<sup>th</sup> March 2022].
- Mohamad, Mahathir. (2017). "Berani Berkata Apandi Bohong" dalam *CHEDET*, pada 26 Julai. Wujud secara online pula di: <http://chedet.cc/?p=2573> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 16 September 2020].
- News on "Annuar Musa: I Reprimanded Najib on RM2.6b" in *Malaysiakini*, on 29 June 2018. Available online also at: <https://www.malaysiakini.com/news/431854> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8<sup>th</sup> October 2020].
- News on "Ex-minister Blames 1MDB Scandal for Party's Defeat" in *The Nation*, on 5 November 2018. Available online also at: <https://www.pressreader.com/thailand/the-nation/20181105/281625306311944> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 7<sup>th</sup> October 2020].
- News on "HEIST OF THE CENTURY: How Jho Low Used Petro-Saudi as 'a Front' to Siphon Billions Out of 1MDB!" in the *Sarawak Report*, on 28<sup>th</sup> February 2015.
- News on "Pua Slams Apandi Over 1MDB Probe 'Lacking Evidence' Claim" in newspaper of *Free Malaysia Today*, on 2<sup>nd</sup> November 2017. Available online also at: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/11/02/pua-slams-apandi-over-1mdb-probe-lacking-evidence-claim/> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 22<sup>nd</sup> September 2020].
- News on "Stop Thinking Malaysians are Stupid: Dr Mahathir Tells Najib" in *The Edge Market*, on 26<sup>th</sup> August 2015. Available online also at: <https://www.theedgemarkets.com/article/stop-thinking-malaysians-are-stupid-dr-mahathir-tells-najib> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 19<sup>th</sup> September 2020].
- News on "Terengganu Investment Authority to Be Federal Body" in *The Star Online*, on 22<sup>nd</sup> July 2009. Available online also at: <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2009/07/22/terengganu-investment-authority-to-be-federal-body/#CxdZms6scCB3ksHQ.99> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 16<sup>th</sup> September 2020].
- Omar, Mohd Sayuti. (2016). *Siapa PM Selepas Najib*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Paddock, Richard C. (2020). "Najib Razak, Malaysia's Former Prime Minister, Found Guilty in Graft Trial" in *The New York Times*, on July 28.
- Phoon, W.K. (2018). "Nation-Building and Independence Once Again" in A.H. Tang *et al.* [eds]. 509: *The People Have Spoken*. Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, pp.138-150.
- Prayogi, Arditya. (2021). "Pendekatan Kualitatif dalam Ilmu Sejarah: Sebuah Telaah Konseptual" dalam *Historia Madania*, Volume 5(2), hlm.240-254.
- Rais, Hisham. (2018). "Harapan's Winning Signs: In and Outside the Country" in A.H. Tang *et al.* [eds]. 509: *The People Have Spoken*. Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, pp.50-55.
- Rohman, Mohd Anwar Patho. (2018). "Fitnah Bukan Punca BN Tumbang" dalam *Berita Harian Online*, pada 21 Mei. Wujud secara online pula di: <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/428425/fitnah-bukan-punca-bn-tumbang> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 8hb Oktober 2020].
- Salleh, Norhayati Mohd. (2008). "Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12): 'Tsunami' Politik Melayu?" dalam *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic*

- Studies*, Volume 35, ms.49-64. Wujud secara online pula di: <http://journalarticle.ukm.my/366/1/1.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2hb Mac 2022].
- Satar, Akhbar. (2018). *Corruption and Crime in Malaysia: Perception or Reality?* Kuala Lumpur: Akhbar & Associates.
- Sebayang, Rehia. (2018). "Siapa itu Jho Low, Buronan Kunci 1MDB?" dalam CNBC Indonesia, pada 13 Juli. Wujud secara online pula di: <https://www.cnbcindonesia.com/news/20180713170038-4-23460/siapa-itu-jho-low-buronan-kunci-1mdb/2> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2hb Mac 2022].
- Sjamsudin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Tambo, T.K.L. (2016). "Jho Low Tiada Kaitan dengan 1MDB: Kata Najib" dalam *Astro Awani*, pada 16 Mac. Wujud secara online pula di: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jho-low-tiada-kaitan-dengan-1mdb-kata-najib-55767> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 16 September 2020].
- Teik, Khoo Boo. (2018). "Mahathir Mohamad Returns, but What of Mahathirism?" in *PERSPECTIVE*, No.46, pp.1-17, published by ISEAS [Institute of South East Asian Studies] Yusof Ishak Institute. Available online also at: [https://www.iseas.edu.sg/images/pdf/ISEAS\\_Perspective\\_2018\\_46@50.pdf](https://www.iseas.edu.sg/images/pdf/ISEAS_Perspective_2018_46@50.pdf) [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 11<sup>th</sup> Macrh 2022].
- Ting, Su-Hie, Thanaraj Murudi & Kee-Man Chuah. (2020). "Framing of the 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Financial Scandal: Politicising by Mainstream and Alternative Newspapers Before and After Change of Government" in *SEARCH: Journal of Media and Communication Research*, Volume 12(2), pp.91-110.
- Video "Reactions After Rahman Dahlan Tells BBC that Najib is MO1" in *The Star Online*, on 2<sup>nd</sup> September 2016. Available online also at: <https://www.youtube.com/watch?v=EIHH3Y5CpsY> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20<sup>th</sup> September 2020].
- Video "UMNO Berada di Alam Barzakh Politik (Bahagian 2)" dalam *Utusan Online*, pada 18hb November 2018. Wujud secara online pula di: <https://www.youtube.com/watch?v=n785cXcGz9A> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 16 September 2020].
- Video "US AG Jeff Sessions: 1MDB Kleptocracy at its Worst" in *The True Net: YouTube*, on 5<sup>th</sup> December 2017. Available online also at: <https://www.youtube.com/watch?v=ipySWOpAd88> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9<sup>th</sup> October 2020].
- Wright, Tom & Bradley Hope. (2018). *Billion Dollar Whale*. Selangor: ZI Publications, Sdn Bhd., Translation.
- Wright, Tom & Simon Clark. (2015). "Investigators Believe Money Flowed to Malaysian Leader Najib's Accounts Amid 1MDB Probe" in *The Wall Street Journal*, on 2<sup>nd</sup> July. Available online also at: <https://www.wsj.com/articles/malaysian-investigators-probe-points-to-deposits-into-prime-ministers-accounts-1435866107> [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20<sup>th</sup> September 2020].
- Yazid, Mohd N.B.M. (2020). "Keputusan Kerusi Parlimen Negeri Sabah dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018: Satu Analisis" dalam *MJSSH: Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.5, No.4, ms.8-18.



**Najib Razak dan Skandal 1MDB di Malaysia**  
(Sumber: <https://selangorkini.my>, 31/08/2021)

Najib Razak beserta kerajaan yang dipimpin beliau, iaitu BN (Barisan Nasional), terpaksa menghadapi kesan yang lebih besar lagi apabila mereka tumpas di tangan PH (Pakatan Harapan) pada PRU (Pilihan Raya Umum) ke-14 pada 9 Mei 2018. Ini menjadikan Najib Razak tidak dapat mengekalkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia (2009-2018), tapi ditukar oleh Perdana Menteri Malaysia selanjutnya, iaitu Mahathir Mohamad (kali kedua, 2018-2020), Muhyiddin Yassin (2020-2021), dan Ismail Sabri (2021-2022).